

01 DEC 1998

Mahathir-AIDS

PENGARUH MEDIA BOLEH BANTU CEGAH AIDS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pengaruh media digunakan dalam usaha mencegah penyakit AIDS daripada merebak.

Dalam ucapannya yang penuh dengan emosi, Perdana Menteri berkata peranan media tidak boleh diukur khasnya dalam mendidik sebanyak mana orang mengenai bahaya AIDS.

"Kita sekarang ini melihat pengaruh media tetapi dalam zaman teknologi maklumat ini masih tidak cukup maklumat yang sama penting seperti pencegahan," kata beliau di majlis penyampaian anugerah media "Red Ribbon" di hotel Dorsett Regency di Jalan Imbi di sini, hari ini.

Majlis itu dianjurkan oleh Yayasan AIDS Malaysia dan diadakan sempena Hari AIDS Sedunia hari ini.

Dr Mahathir sedih kerana kewujudan AIDS dan dalam kebanyakan kes ia merebak di seluruh dunia kerana kejahilan orang ramai terhadap penyakit itu.

"Adalah menyedihkan kerana kita terpaksa mengadakan majlis seperti ini dan kita telah menemui satu penyakit yang sebelum ini tidak wujud," katanya.

Menceritakan pengalaman beliau sebagai penuntut perubatan di zaman mudanya, Dr Mahathir berkata beliau hairan dengan beribu-ribu penyakit yang menjangkiti manusia dan beranggapan tiada lagi penyakit baru akan muncul.

"Hari ini dilaporkan 16,000 orang akan dijangkiti kuman HIV setiap hari. Yang malang sekali, AIDS merebak kerana kejahilan...jika orang ramai tahu mengenai AIDS..." kata Dr Mahathir sebelum berhenti sebentar untuk mengawal emosinya.

Perdana Menteri gembira dengan peranan yang dimainkan oleh media untuk menyebarkan pengetahuan mengenai AIDS kepada umum dan berharap anugerah itu akan dihargai oleh media.

Di sebaliknya kata Dr Mahathir berkata, masalah budaya berbeza manusia ada kalanya bertentangan dengan usaha mencegah AIDS.

"Kita lihat dalam budaya tertentu wanita tidak akan menafikan hak suami mereka dan sebagainya dan ini menyumbang kepada peningkatan dalam jangkitan AIDS," katanya.

Dr Mahathir berkata, satu cara mudah untuk mencegah jangkitan AIDS ialah melalui pengetahuan mengenai penyakit itu.

"Kita yang tahu boleh mengelakkannya, tetapi yang tidak tahu tidak dapat berbuat demikian," katanya lagi.

Sebelum itu, Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir dalam ucapannya berkata, kini terdapat lebih 27,000 orang di Malaysia yang dilaporkan HIV positif dan kebanyakan mereka dijangkiti semasa usia muda.

"Kita mesti mulakan usaha untuk melengkapkan generasi muda kita dengan pengetahuan untuk melindungi diri mereka daripada jangkitan itu," katanya.

Tema Hari AIDS Sedunia kali ini ialah "Semangat Perubahan: Kempen AIDS Sedunia Bersama Golongan Muda".

Marina kemudiannya memberi beberapa cadangan mengenai pencegahan AIDS di negara termasuk program pendidikan HIV/AIDS di sekolah-sekolah, kelab-kelab berorientasi remaja dan di tempat-tempat muda-mudi berkunjung seperti kelab malam dan disko.

"Kita mesti memberi maklumat yang tepat dan benar kepada muda-mudi dan mesti menghormati hak mereka bagi pendidikan seperti ini," katanya.

Marina berkata, gejala AIDS bertumpu kepada belia dengan 50 peratus daripada 33.4 juta orang di seluruh dunia yang menghidap HIV/AIDS adalah dalam kumpulan umur 10-24 tahun.

Beliau bimbang dengan perkembangan itu kerana kumpulan umur itu paling produktif di mana-mana negara dan selalu menjadi harapan dalam pembinaan negara.

"Kita sudah pun melihat negara-negara di Afrika, seperti Zimbabwe atau Botswana, yang mana kerana 25 peratus daripada golongan dewasa HIV positif, pembangunan negara terjejas teruk.

"Jangka hayat di Zimbabwe telah berkurangan sebanyak 22 tahun ke 41 tahun kerana AIDS sementara di negara-negara Afrika yang lain jangka hayat telah berkurang lebih 10 tahun," katanya.

-- BERNAMA

AFY MK PR